

RAPANG KETAM
Crab Plover

FAMILI: Dromadidae
NAMA SAINTIFIK: *Dromas ardeola*

CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai paruh yang besar, tajam dan berwarna hitam. Kakinya pula panjang dan berwarna kelabu pucat. Keseluruhan bulu berwarna putih kecuali bahagian belakang badan, bahagian dalam belikat dan bulu penerbangan yang berwarna hitam. Burung juvenil mempunyai warna yang hampir sama dengan burung dewasa kecuali bahagian belakang badan dan jalur di atas kepala yang berwarna kelabu. Saiz keseluruhan bagi spesies ini ialah 38 sm.

MAKANAN

Ia menggemari ketam namun ia juga memakan ikan tembakul dan 'crusteceans'.

HABITAT

Kebiasaannya, spesies ini ditemui di kawasan beting lumpur di persisiran pantai dan juga kawasan terumbu.

BUNYI

Semasa terbang, ia akan mengeluarkan bunyi dari rongga hidung *kirruc*. Ia juga mengeluarkan bunyi seperti gonggongan berulang *ka* atau *ka-how* dan *kwerk-kwerk-kwerk-kwerk*. Bunyi siulan yang bingit *kew-ki-ki* dan *ki-tewk* juga direkodkan pada kawasan pembiakan.

PEMBIAKAN

Spesies ini merupakan spesies yang mencari makan pada waktu senja dan malam dalam kumpulan yang kecil dan biasanya mengeluarkan bunyi yang bisung. Semasa musim pembiakan, spesies ini membina sarangnya secara berkoloni.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.